

## Tabligh dan Mubaligh-mubaligh Islam yang Ulung

Bertabligh untuk menyiarkan agama Allah *Az̄za wa Jalla* adalah satu usaha yang amat mulia, dan satu kedudukan yang tinggi. Semenjak dahulu kala, telah dipilih untuk menjalankan tabligh ini, orang-orang yang mulia dari sesuatu umat, yang bersih dirinya, yang suci hatinya, yang teguh pendiriannya. Mereka itu ialah Nabi-nabi dan Rasul-rasul.

Oleh kerana di antara sifat-sifat Nabi dan Rasul-rasul, ialah bahawa mereka menyampaikan agama Allah kepada umat manusia, maka dengan itu, mereka ialah dari mulanya hingga akhirnya, menjadi penyeru-penyeru agama Allah *Az̄za wa Jalla*. Mereka telah diberi kehormatan untuk menyandang tugas itu dan menyampaikan amanah yang tersebut.

Cara-cara menjalankan seruan agama, adalah berlain-lainan keadaannya menurut keadaan zaman. Sesuai dengan kesanggupan akal untuk menerimanya, dan persediaan diri untuk menanggungnya. Sebagaimana ia juga meningkat sedikit demi sedikit, kepada kesempurnaan, luas dan mendalam, pada tiap-tiap kali akal manusia bertambah maju dan matang.

Kaum Nabi Nuh *'alayhi al-sallām*, telah diberikan tempoh selama sembilan ratus lima puluh tahun, supaya mereka faham akan pengertian tauhid sahaja; “*an lā ta'budu ilā Allāhu*” (supaya kamu jangan menyembah melainkan Allah)

Walaupun demikian lanjutan tempoh yang tersebut, tetapi hanya sedikit ju - kaum Nuh- yang beriman. Orang ramai dari kalangan mereka, merasa tidak patut seorang manusia menjadi Nabi, padahal mereka tidak pula memandang tidak patut bertuhankan batu. Golongan yang unggul, berlaku takbur dan enggan menurut jalan orang-orang beriman yang benar. Mereka berkata sebagaimana yang diceritakan oleh Allah dalam al-Qur'ān Al-Karim:

“*mā narāka illsa basharān mithlanā, wamā narākattaba 'aka illsa*

*al-ladhina hum ārādhīlunā bādiya al-ra'yī wamā narā lakum 'alaynā min faḍlim bal nażunnukum kādhibīn.*”

Ertinya: “Kami tidak memandangmu melainkan sebagai manusia seperti kami, dan kami tidak melihat orang-orang yang mengikutmu melainkan orang-orang yang rendah di antara kami yang tidak berfikir, dan kami tidak lihat kamu (bersama-sama pengikut-pengikutmu) lebih mulia daripada kami, bahkan kami sifatkan kamu orang-orang yang pendusta.”<sup>1</sup>

Golongan terbanyak yang enggan beriman, dari kaum Nuh itu, telah menerima balasan Allah *Az̄za wa Jalla*, lalu ditenggelamkan. Manakala Nuh dan pengikut-pengikutnya yang beriman telah diselamatkan.

Sepatutnya umat manusia dapat mengambil pengajaran dari peristiwa taufan yang dahsyat itu, tetapi mereka - sebagaimana lazimnya - telah lupa dan berlaku unggul terhadap perintah Allah. Oleh itu penyeru-penyeru agama Allah telah dihantarkan lepas seorang, seorang pula. Lalu berimanlah mana-mana yang telah beriman dan kufurlah mana-mana yang kafir.

Hal ini telah dijelaskan oleh Allah dengan firman-Nya:

*fa'ammā thamūdu fa'uḥliku bittāguyah. wa 'amma 'ādūn fa'uḥliku birīḥin sarşarin 'ātiyah. sakhharahā 'alayhim sab'a layālin wa thamāniyata ḥiyāmin ḥusūman fatarā al-qawma fīha şar'ā ka'annaḥūm a'jāzu nakhlin khāwiyatīn*

Ertinya: Oleh itu, adapun (kaum) Thamud, maka telah

<sup>1</sup> Surah Hud. Ayat 27.

dibinasakan mereka dengan pekkikan. Dan adapun (kaum) Ad, maka dibinasakan mereka dengan angin yang sangat sejuk yang melampaui batas. Ia (Allah) timpakan atas mereka tujuh malam dan delapan hari terus-menerus; maka engkau dapat melihat padanya kaum itu gugur mati seolah-olah mereka batang kurma yang kosong tengahnya.<sup>2</sup>

Kesemua penyeru-penyeru agama yang tersebut yang telah diceritakan oleh al-Qur'an atau tidak, adalah menjadi pendahuluan bagi penghulu sekalian penyeru, dan penyudah segala-segala Nabi, Saiyidina Muhammad *sallā Allāhu 'alayhi wa sallam*.

Umat manusia telah terkembang memenuhi pelosok dunia. Manusia dimasuki oleh banyak perkara yang diputar dan di tukar. Akal manusia juga telah sesat dalam lapangan falsafah Greek dan yang seumpamanya. Oleh itu sudah semestinya ada seorang penyeru yang akan membuka akal fikiran menurut pertunjuk dan nur yang terang benderang, dan jiwa menurut kebaikan, dan tangan kepada bekerja dan bergerak, dan perut atas yang halal, dan rezeki yang halal sahaja!

Sudah semestinya ada seorang penyeru yang akan mencetuskan segala tenaga manusia ini, yang hilang di dalam arak dan penyembahan berhala, lalu membentuk daripadanya hamba-hamba Allah yang bersih suci, yang menjadi ahli ibadah pada malam hari dan pahlawan pada siang hari.

Pemimpin agung yang ditunggu-tunggu itu ialah junjungan kita, Nabi Muhammad *sallā Allāhu 'alayhi wa sallam*. Seruan Islam telah disampaikan kepada golongan-golongan yang hampir-hampir sama dengan golongan-golongan yang telah menentang Nabi Nuh dahulu.

Iaitu orang ramai yang lalai, dan orang-orang yang unggul dan takbur.

Benarlah firman Allah *Ta 'ālā*:

"*wamā arsalnā fī qaryatin min nadhīrin illā qāla mutrafiḥā innā bimā ursiltum bihī kāfirūn.*"

Ertinya: "Dan tidak Kami utus seorang Nabi yang memberi ingatan dalam sesebuah negeri, melainkan berkatalah orang-orang yang maharajalela di dalamnya. Sesungguhnya kami tidak percaya kepada agama yang kamu bawa itu."<sup>3</sup>

Ketua-ketua kaum yang kufur itu menyangka, agama Allah itu ibarat benda-benda yang diwarisi dan dibolot oleh orang-orang yang tertentu. Hal ini telah dijelaskan oleh Allah *Az̄za wa Jalla* dengan firman-Nya:

"*Waqālū lau lā nuzzila hadhā al-qur'ānu 'alā rajulin mina al-qaryatayni 'azīm. Ahum yaqsimūna rāhmata rabbik.*"

Ertinya: Dan mereka berkata; mengapa tidak diturunkan Qur'an ini kepada seorang besar dari dua negeri (Makkah dan Ta'if) ini?" apa, adakah mereka (yang berhak) membahagikan kurnia Tuhanmu?"<sup>4</sup>

Tetapi Tuhan yang Maha Adil, tidak membenarkan perkara yang sedemikian itu, lalu dikurniakan kepada putera Bani Hashim yang yatim, jawatan Nabi dan ditugaskan menyiaran Islam di semenanjung Arab dan di seluruh dunia. Firman-Nya:

"*Wamā arsalnāka illa rahmatan lil'ālamīn*"

Ertinya: "Dan tidak kami mengutus engkau (Ya Muhammad) melainkan menjadi rahmat bagi seluruh alam."<sup>5</sup> dan firman-Nya lagi:

"*Wamā arsalnāka illā kāffatan linnāsi bashīran wanadhira.*"

Ertinya: "Dan tidak kami mengutus engkau (Ya Muhammad) melainkan untuk seluruh umat manusia, menggembirakan (orang-orang yang taat dengan balasan syurga) dan memberi ingatan (kepada orang-orang yang kufur dengan seksaan neraka)".<sup>6</sup>

<sup>3</sup> Surat Saba' ayat 34

<sup>4</sup> Az-Zukhruf Ayat: 31-32)

<sup>5</sup> Surat Al-'Anbya' ayat 107

<sup>6</sup> Surat Saba' ayat 28

<sup>2</sup> AL-Haaqqah, Ayat 6-7